

Headline	Isteri taat risiko dijangkiti HIV		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	239 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,315
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,945



Isteri taat risiko dijangkiti HIV

KUALA TERENGGANU - Isteri yang taat di rumah adalah antara individu paling berisiko dijangkiti HIV berbanding pasangan yang menagih dadah dengan menggunakan jarum suntikan.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Tan Sri Zaman Khan berkata, realiti baru epidemik HIV dan Aids di negara ini telah berubah dari transmisi yang berpunca daripada perkongsian jarum suntikan, kepada transmisi seksual.

Menurutnya, perubahan ini membawa implikasi besar dalam usaha membendung epidemik HIV dan Aids kerana meletakkan golongan wanita sebagai kumpulan sasaran yang terdedah dijangkiti HIV.

"Sebagai bukti, terdapat peningkatan tiga kali golongan wanita dijangkiti HIV sejak 10 tahun lepas. Nisbah jangkitan baru, daripada 1.2 peratus pada 1990 kepada 9.4 peratus (2000) dan 18.3 peratus pada 2010.

"Dalam konteks setempat, berlaku peningkatan peratusan kes baru HIV dalam kalangan wanita di Terengganu iaitu

daripada sembilan peratus pada 2000 kepada 12 peratus pada 2010. Saya berasa dukacita kerana dalam situasi ini, sebahagian besar daripada wanita ini termasuklah ibu dan isteri yang taat setia di rumah, dijangkiti HIV melalui pasangan yang mengamalkan aktiviti berisiko seperti menyuntik dadah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Seminar Memperkasakan Wanita Menangani HIV/Aids sempena sambutan Hari Aids Sedunia anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat (KPWK), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama ahli gabungan MAM Terengganu dan Komuniti Cakra Terengganu di Hotel Tanjung Vista, Kuala Terengganu.

Seminar itu dihadiri 100 peserta wanita dan remaja perempuan, dalam usaha memperkasakan diri dengan kesedaran dan ilmu pengetahuan mengenai hak asasi mereka dan kesihatan dalaman serta luaran, iaitu mengenai isu cara jangkitan, pencegahan penularan virus HIV/Aids.

Menurutnya, pada akhir 2009, diang-

garkan 33.3 juta penghidap HIV di seluruh dunia, 15.9 juta daripadanya adalah wanita dan 2.5 juta kanak-kanak.

Mohd Zaman turut menyarankan agar wanita mempunyai kekuatan merundingkan seks selamat supaya mereka boleh melindungi diri mereka sendiri.



Mohd Zaman (kanan) memerhatikan peserta seminar meletakkan reben pada poster sebagai sokongan kepada 'Menuju Sifar Jangkitan; Sifar Diskriminasi; Sifar Kematian Aids'.